

SULIT  
1223/1

PENDIDIKAN ISLAM  
KERTAS 1  
2 JAM 30 MINIT

NAMA : .....

TINGKATAN : .....



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
NEGERI PERAK**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2023**

**TINGKATAN 5**

---

**PENDIDIKAN ISLAM**

**KERTAS 1**

**2 JAM 30 MINIT**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**ARAHAN :**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
4. **Buku jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---

*Kertas peperiksaan ini mengandungi 5 halaman bercetak*

**SULIT  
[LIHAT HALAMAN SEBELAH]**

*Jawab semua soalan*

1 (a) Firman Allah SWT:

أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ الْحَاجِّ وَعِمَارَةَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ كَمَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَجَاهِدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ لَا يَسْتَوُونَ عِنْدَ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿١٩﴾ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ ﴿٢٠﴾  
(Surah al-Taubah : 19-20)

Ayat di atas menerangkan tuntutan pelaksanaan Fiqh al-Aulawwiyat dalam kehidupan.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Apakah maksud Fiqh al-Aulawwiyat? (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** contoh aplikasi Fiqh al-Aulawwiyat dalam bidang amalan. (4 markah)



- (iii) Berdasarkan gambar di atas, mengapakah bidang pengajian tersebut penting kepada umat Islam? (4 markah)

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ قَالَ: لَأَنْ يَخْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ  
يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ.

(رواية البخاري)

Hadis di atas menjelaskan tentang kemuliaan berdikari.  
Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Apakah maksud berdikari? (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** kelebihan berdikari. (2 markah)

**BERDIKARI**  
UNTUK KEBAIKAN DIRI SENDIRI,  
AGAMA, MASYARAKAT DAN NEGARA.

- (iii) Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan bagaimana anda membudayakan amalan di atas dalam kehidupan seharian. (4 markah)
- (c) Nyatakan **dua** jenis Ibtida'. (2 markah)
- 2 (a) Umat Islam hendaklah berusaha mengelakkan diri daripada terlibat dengan ajaran sesat.
- (i) Jelaskan takrif ajaran sesat. (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat. (2 markah)
- (iii) Terangkan kesan kepada seseorang yang terlibat dengan ajaran sesat dari aspek ekonomi. (2 markah)

Ajaran sesat merupakan ancaman kepada masyarakat Islam di negara kita.


- (iv) Kemukakan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas. (4 markah)

- (b) Al-Raqib merupakan satu daripada nama Allah SWT yang indah.
- (i) Apakah maksud al-Raqib? (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** bukti Allah SWT bersifat al-Raqib. (4 markah)



- (iii) Berdasarkan gambar di atas, kemukakan hujah anda dengan mengaitkannya dengan nama Allah SWT al-Raqib. (4 markah)
- 3 (a) Haji merupakan kewajipan umat Islam dilakukan sekali seumur hidup.
- (i) Apakah maksud haji? (2 markah)
- (ii) Nyatakan **dua** syarat wajib haji selain Islam. (2 markah)
- (iii) Terangkan perbezaan ibadat haji dan umrah dari aspek waktu dan rukun. (4 markah)
- (b) Umat Islam digalakkan mengerjakan solat sunat istikharah bagi menyelesaikan jalan buntu.
- (i) Apakah maksud solat sunat istikharah? (2 markah)
- (ii) Terangkan **dua** hikmah solat sunat Istikharah. (4 markah)
- (c) Talak merupakan salah satu isu yang berkaitan dengan perkahwinan.
- (i) Apakah maksud talak? (2 markah)
- (ii) Jelaskan jenis beserta contoh lafaz talak. (2 markah)

- (iii) Nyatakan hukum bagi situasi berikut : (2 markah)
- 1) Seorang suami menceraikan isterinya kerana perkahwinannya sering berlaku perbalahan yang tidak dapat didamaikan setelah proses mahkamah.
  - 2) Ali menceraikan isterinya yang berkelakuan baik.
- 4 (a) Kerajaan Umayyah memerintah dari tahun 41 hijrah hingga 132 hijrah.
- (i) Senaraikan **dua** orang khalifah yang terkenal dalam kerajaan Umayyah. (2 markah)
  - (ii) Jelaskan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Umayyah dari aspek politik. (4 markah)
  - (iii) Terangkan **dua** iktibar yang diperoleh daripada pemerintahan kerajaan Umayyah. (4 markah)
- (b) Ahmad bin Ibrahim merupakan tokoh cendekiawan Islam yang terkemuka di Malaysia.
- (i) Nyatakan biodata beliau dari aspek : (2 markah)
    - a) Nama
    - b) Gelaran
  - (ii) Jelaskan **dua** ketinggian akhlak Ahmad bin Ibrahim. (4 markah)
- Ahmad bin Ibrahim banyak memberi sumbangan dalam bidang perundangan Islam seperti menghasilkan buku Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia.
- (iii) Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda mencontohi kehebatan tokoh tersebut. (4 markah)
- 5 (a) Sifat wasatiah menjamin kecemerlangan umat.
- (i) Nyatakan maksud wasatiah. (2 markah)
  - (ii) Jelaskan **dua** ciri umat yang cemerlang. (4 markah)



- (iii) Huraikan bagaimana anda menjayakan kempen di atas. (4 markah)
- (b) Alam sekitar merupakan anugerah Allah SWT kepada manusia.
- (i) Senaraikan **dua** contoh alam sekitar. (2 markah)
- (ii) Jelaskan **dua** adab menjaga alam sekitar. (4 markah)



- (iii) Ramalkan apa akan berlaku sekiranya kempen tersebut diabaikan. (4 markah)

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**